

Piagam Penerima Jagaan



Komitmen Kami terhadap Penerima Jagaan

Sebagai penerima jagaan di Hospital Ren Ci, anda berhak untuk:

Penjagaan yang Selamat dan Berkualiti

Menerima penjagaan yang selamat, sesuai dan berfokuskan individu, serta diberi keupayaan untuk menjalani kehidupan dalam persekitaran yang selamat dan menyokong.

Maruah, Hormat dan Ihsan

Dilayan dengan hormat, bermaruah dan penuh ihsan pada setiap peringkat penjagaan, tanpa mengira latar belakang atau keadaan anda.

Mengenali Pasukan Penjagaan Anda

Mengetahui kakitangan penjagaan yang terlibat dalam penjagaan anda.

Privasi

Maklumat peribadi anda disimpan secara sulit dan hanya digunakan bagi tujuan penyediaan penjagaan langsung dan tidak langsung serta tujuan berkaitan lain, kecuali jika diwajibkan oleh undang-undang dan peraturan Singapura.

Sila rujuk pada Personal Data Protection Policy kami di www.renci.org.sg/Personal-Data-Protection

Komunikasi dan Maklumat yang Jelas

Menerima maklumat mengenai penjagaan, hak dan tanggungjawab anda, serta caj Ren Ci dalam bahasa dan cara yang anda fahami.

Autonomi dan Pilihan

Melibatkan diri dalam membuat keputusan berkaitan penjagaan dan kehidupan harian anda. Anda juga berhak untuk menolak atau menghentikan rawatan, meninggalkan rumah jagaan, serta menolak lawatan. Anda boleh mengambil bahagian, menolak penyertaan, atau menarik diri daripada projek penyelidikan pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan sebarang alasan.

Sokongan Keluarga, Sosial, Budaya, Rohani dan Keagamaan

Keperluan keluarga, hubungan sosial, budaya, rohani dan keagamaan anda dihormati dan disokong.

Perancangan dan Pilihan Penjagaan Akhir Hayat

Membuat Pelan Penjagaan Lanjutan (Advanced Care Plan, ACP) dan memastikan pilihan penjagaan akhir hayat anda dihormati. Anda juga berhak untuk melantik seorang wakil bagi membuat keputusan penjagaan bagi pihak anda.

Maklum Balas dan Kebimbangan

Memberikan maklum balas atau menyuarakan kebimbangan yang akan ditangani dalam tempoh masa yang munasabah tanpa rasa takut akan diskriminasi atau tindakan balas. Anda boleh berbuat demikian melalui saluran maklum balas berikut:



6385 0288



qsm@renci.org.sg



e-Feedback form



Piagam Penerima Jagaan



Tanggungjawab Penerima Jagaan dan Keluarga

Di Ren Ci, anda dan keluarga anda memainkan peranan yang penting. Penyampaian penjagaan yang berkualiti memerlukan kerjasama rapat antara anda, keluarga anda dan kami.

Sebagai penerima jagaan kami, anda bertanggungjawab untuk:

Mematuhi Pelan Penjagaan yang Dipersetujui

Mengambil bahagian secara aktif dalam perancangan penjagaan anda dan mematuhi pelan penjagaan/rawatan yang telah dipersetujui. Anda bertanggungjawab terhadap keputusan anda sekiranya menolak atau menghentikan perubatan, penjagaan atau pelan rawatan, atau meninggalkan fasiliti tanpa nasihat perubatan.

Menyampaikan Kebimbangan Anda

Meminta penjelasan sekiranya anda tidak memahami penjagaan, rawatan atau sebarang arahan yang diberikan.
Memaklumkan sebarang perubahan dalam keadaan kesihatan anda kepada pasukan penjagaan.

Menghormati Orang Lain

Melayan penerima jagaan lain, kakitangan dan pelawat dengan sopan dan penuh hormat.

Menghormati Privasi & Harta Benda

Menghormati privasi, maruah dan harta benda orang lain, serta bertanggungjawab terhadap barangan peribadi sendiri.

Mematuhi Peraturan & Menjaga Keselamatan

Mematuhi peraturan fasiliti, langkah kawalan jangkitan dan garis panduan keselamatan demi kesejahteraan semua.

Menyelesaikan Bayaran Berkaitan Penjagaan Anda

Menjelaskan sebarang kewajipan kewangan yang timbul daripada penjagaan dan penginapan yang disediakan oleh fasiliti dengan segera. Dapatkan penjelasan atau berbincang mengenai sebarang isu kewangan dengan pekerja sosial kami lebih awal.